Media Title : Harian Metro
Headline : RM179,490 lesap selepas dihubungi dua Datuk
Date : 9 November 2026
Section : Lokal
Page : 4



RM179,490 lesap selepas dihubungi dua Datuk

Kuala Lumpur: Seorang pesara kerugian sebanyak RM179,490 selepas terpedaya dengan sindiket *Macau Scam* yang menyamar menjadi pegawai polis dan mendakwa kononnya mangsa terbabit dengan pengubahan wang haram serta pengedaran dadah.

Ketua Polis Daerah Brickfields, Asisten Komisioner Hoo Chang Hook berkata, warga emas berusia 73 tahun itu mulanya dihubungi dua individu yang menyamar sebagai Datuk Salawati dan Datuk Nik Ezanee.

Menurutnya, suspek mendakwa mangsa terbabit dalam kes pengubahan wang haram dan pengedaran dadah.

"Mangsa seterusnya diarahkan menyerahkan kad bank, wang tunai dan barangan kemas kepada individu tidak dikenali untuk diserahkan kepada pihak polis kononnya bagi tujuan siasatan pada 8 September lalu.

Mangsa bertemu individu terbabit di sebuah apartment di Sri Petaling

"Mangsa bertemu dengan individu terbabit di sebuah apartment di Sri Petaling sebelum menyerahkan kad bank, wang tunai dan barang kemas.

"Akibat kejadian berkenaan, mangsa mengalami kerugian keseluruhan RM179,490 membabitkan wang tunai, pembelian emas dan pemindahan wang ke tiga akaun pihak ketiga," katanya.

Beliau berkata, mangsa yang menyedari ditipu kemudian tampil membuat laporan polis.

"Kita sedang menyemak dengan pihak telekomunikasi termasuk meneliti rakaman kamera litar tertutup (CCTV).

"Siasatan lanjut sedang dijalankan mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan bagi mengenal pasti serta mengesan suspek yang terbabit," katanya.